

MASALAH MURID DISLEKSIA DAN GAYA PENGAJARAN GURU DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

[PROBLEMS OF DYSLEXIA STUDENTS AND TEACHINGS STYLE FOR LEARNING OF ARABIC LANGUAGE]

NUR SYAMIRA MOHAMAD NOR^{1*} & HARUN BAHARUDIN¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: nursyamiramohamadnor96@gmail.com

Received: 15 June 2021

Accepted: 29 June 2021

Published: 30 June 2021

Abstrak: Disleksia merupakan satu gejala yang berkait rapat dengan bahasa khususnya mengenai kesedaran fonem. Murid disleksia akan mengalami masalah apabila berhadapan dengan dua jenis fitur huruf yang kompleks iaitu dalam bahasa pertama (ibunda) dan bahasa kedua. Hal ini kerana, dalam bahasa Arab, terdapat beberapa bentuk konsonan yang hampir sama seperti huruf ط, ت, ة and ث, ب, ت, ث yang akan menyebabkan murid disleksia mengalami kekeliruan. Maka, kajian ini bertujuan meneroka masalah dan tindak balas murid disleksia semasa proses membaca dan menulis perkataan dalam bahasa Arab. Selain itu, tujuan kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti gaya pengajaran yang digunakan oleh guru Bahasa Arab dalam berhadapan dengan murid disleksia semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temubual separa berstruktur. Dua orang peserta terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada seorang guru Bahasa Arab dan seorang murid disleksia. Dua jenis set soalan yang terdiri daripada lapan soalan yang berbeza digunakan untuk menjawab kedua-dua persoalan kajian. Temubual dijalankan sebanyak tiga kali dan beberapa tema dibina melalui transkrip temubual. Seterusnya, data dianalisis secara deskriptif mengikut pengkategorian tema tersebut. Hasil kajian mendapati terdapat lima masalah utama yang dihadapi oleh murid disleksia iaitu masalah dalam kemahiran menulis, masalah dalam membaca perkataan yang sukar dan tidak dikenali, masalah pengecaman bunyi huruf yang betul dan hampir sama, masalah pengecaman bentuk huruf yang hampir sama dan berlaku penambahan huruf yang tidak perlu semasa menulis. Tambahan pula, gaya yang digunakan oleh guru tersebut semasa sesi pengajaran ialah mementingkan kefahaman makna berbanding menghafaz kosa kata, menggunakan kaedah 'fun learning' seperti nyanyian, permainan dan aktiviti serta penggunaan gaya 'kerap bertanya'. Kesimpulannya, murid yang mengalami disleksia bukannya seorang yang lemah dan tidak boleh berjaya, namun, mereka memerlukan sokongan dan gaya pembelajaran yang sesuai supaya mereka dapat memahami Bahasa Arab dengan baik.

Kata kunci: Masalah Pembelajaran, Gaya Pembelajaran, Membaca, Menulis, Disleksia, Bahasa Arab.

Abstract: Dyslexia is a symptom that is closely related to language especially regarding phoneme awareness. A dyslexia student will have problems when faced with two types of complex letter features, namely in the first language (mother tongue) and the second language. This is because, in Arabic, there are several forms of consonants that are very similar such as the letters ط, ت, ة and ث, ب, ت, ث that will cause dyslexic students to experience confusion. Therefore, this study aimed to explore the problems and responses of dyslexia students during the process of reading and writing words in Arabic. In addition, the purpose of this study is also to identify the style used by Arabic teachers in dealing with

dyslexia students during the teaching and learning process. This study is a descriptive qualitative study that uses a semi-structured interview method for two study participants consisting of an Arabic teacher and a dyslexia student. Two types of question sets consisting of eight different questions were used to answer the two research questions. Interviews were conducted three times and several themes were constructed through interview transcripts. The data were analyzed descriptively according to the categorization of the theme. The results of the study found that there are five main problems faced by dyslexia students which is problems in writing skills, problems in reading difficult and unfamiliar words, problems in recognizing the sound of letters that are correct and almost the same, problems in recognizing the shape of letters that are almost the same and unnecessary addition of letters while writing. In addition, the style used by the teacher during the teaching session is to emphasize the understanding of meaning rather than memorizing vocabulary, using 'fun learning' methods such as singing, games and activities as well as the use of 'frequently asked questions' style. In conclusion, students with dyslexia are not a weak person and cannot succeed, however, they need appropriate support and style so that they can understand Arabic very well.

Keywords: Learning Problems, Learning Styles, Reading, Writing, Dyslexia, Arabic.

Cite This Article:

Nur Syamira Mohamad Nor & Harun Baharudin. 2021. Masalah Murid Disleksia dan Gaya Pengajaran Guru dalam Pembelajaran Bahasa Arab [Problems of Dyslexia Students and Teachings Style for Learning of Arabic Language]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(2), 26-44.

PENGENALAN

Masalah pembelajaran yang dihadapi oleh seorang murid akan dapat dikesan apabila mereka tidak dapat menguasai proses pembelajaran dengan baik. Antara kategori masalah pembelajaran ialah *Slow Learner*, *Sindrom Down*, kurang upaya intelektual, autisme, *Attention Defisit Hyperactive Disorder* (ADHD), dan masalah pembelajaran spesifik seperti disleksia, *discalculia* dan *disgraphia* (Abdullah Yusoff et al. 2009). Seorang murid yang menghadapi masalah pembelajaran tidak mampu melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran dengan baik terutama dalam aspek kemahiran asas seperti membaca. Masalah tersebut berlaku apabila murid itu memiliki tahap kemampuan membaca yang lebih rendah daripada tahap jangkaan umur yang sepatutnya. Malah, kecelaruan ini dikatakan sebagai masalah disleksia yang dikategorikan sebagai *verbal learning disabilities* iaitu ketidakmampuan pembelajaran lisan. (Ahmad Yazid Yahya, Noor Aini Ahmad & Yoong Soo May, 2018). Dalam bidang pendidikan, masalah disleksia biasanya dibincangkan dari sudut kebolehan membaca, menulis dan mengira. Menurut Zurif E et al (1990) serta Liberman et al (1974), disleksia merupakan satu gejala yang berkait rapat dengan bahasa khususnya mengenai kesedaran fonem. Hal ini kerana definisi yang dikemukakan oleh Persatuan Disleksia Orton menterjemahkan perkara tersebut sebagai menggambarkan situasi disleksia (Syaywitz et al. 1995).

Kebiasaannya disleksia berlaku pada masyarakat yang menggunakan sistem penulisan alphabet dalam satu bahasa untuk menghubungkan simbol visual dengan fonem-fonem. Sistem penulisan alphabet dianggap sukar kepada kanak-kanak kerana fonem-fonem tersebut perlu diucapkan secara terpisah dari fonem-fonem lain kecuali dalam bentuk kata. (Samsunuwiyati Mar'at, 2005). Malah, sistem ini dianggap menjadi salah satu punca yang menyebabkan jumlah masalah disleksia ini meningkat dalam sesebuah negara. Hal ini boleh dibuktikan melalui

jumlah masalah murid disleksia di China dan Jepun dikatakan berkurangan disebabkan mereka tidak menggunakan sistem alphabet tetapi menggunakan sistem *logographic* dan sistem penulisan *syllabic*.

Murid yang menghadapi disleksia adalah bukan disebabkan oleh penyakit patologi, tetapi ia berpunca daripada otak yang sukar untuk memproses maklumat dalam menghubungkan simbol bunyi dan visual. Oleh hal demikian, apabila murid tersebut melihat sesuatu perkataan kemudian maklumat akan disalurkan ke otak, namun neuron otak pada bahagian pemrosesan visual tidak boleh berfungsi dengan betul menyebabkan berlaku kekeliruan atau sukar mengenali huruf dengan betul. Hal ini berbeza dengan murid yang normal kerana kesemua bahagian otak aktif dan digunakan sepenuhnya untuk memproses maklumat (Shaywitz et al. 2003). Kemahiran membaca merupakan keupayaan dalam mengecam bentuk visual dan menghubungkan antara bentuk dengan bunyi berdasarkan pengalaman dan berupaya untuk mentafsirkan maksudnya. Malah, kemahiran menulis pula menjadi suatu budaya intelek yang saling melengkapi antara membaca dan menulis. Keupayaan kedua-dua kemahiran ini menjadi asas kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif dalam kepelbagaian ilmu dan bidang di sekolah.

Seseorang murid yang mengalami masalah dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis ini akan merasa lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran. Antara permasalahannya ialah kekeliruan dalam mengenali pasti huruf, tidak membunyikan perkataan dengan betul dan tepat, tidak dapat menyebut perkataan sebagaimana yang dieja atau gagal membunyikannya. Masalah ini boleh menimbulkan pola bacaan yang merangkak-rangkak sehingga menjadikan mereka sukar untuk memahami maklumat dan makna bahan bacaan tersebut (Abdul Rasid Jamian, 2011). Tambahan pula, seorang murid yang tidak boleh menguasai kemahiran membaca akan mengalami masalah dalam kemahiran lisan seperti keliru untuk membunyikan huruf yang seakan sama bentuknya dari segi ejaan atau nama. Hal ini boleh diekspresi melalui tulisan mereka.

Oleh hal demikian, apabila seorang murid disleksia berhadapan dengan bahasa kedua, mereka akan berhadapan dengan dua jenis fitur huruf yang kompleks iaitu fitur huruf bahasa pertama (ibunda) dan bahasa kedua (dalam konteks ini bahasa Arab). Dalam pembelajaran Bahasa Melayu, mereka perlu membezakan huruf A dalam beragam bentuk seperti (@, a, A) manakala dalam Bahasa Arab pula mereka perlu mengenali pasti pelbagai bentuk huruf yang hampir sama dari segi tulisan dan sebutan. Tambahan pula, antara tanda-tanda yang sering ditonjolkan dalam kes kanak-kanak disleksia di Malaysia adalah kesukaran dalam membezakan huruf seperti 'b' dan 'd', huruf 'j' dan 'g', serta huruf-huruf yang lain. Malah, dalam Bahasa Arab, mereka perlu mengenali dan membezakan beberapa bentuk huruf yang hampir sama seperti ب, ث, ن, ت, ة atau sebutan huruf yang hampir sama seperti ط, ت, ة (Lee Lay Wah, 2010).

Oleh sebab itu, program pemulihan khas dan sekolah khas telah disediakan di Malaysia yang dikendalikan oleh guru pemulihan khas yang berkemahiran. Tujuannya adalah sebagai medium untuk membantu murid yang menghadapi masalah atau kesukaran dalam pembelajaran yang melibatkan penguasaan sesuatu kemahiran (Jamilah Ahmad, 1999) Namun, terdapat juga Sekolah Agama Swasta seperti Sekolah Agama Mehelih di Kota Bharu yang menerima segelintir murid yang bermasalah dalam pembelajaran supaya setiap murid boleh menerima pendidikan. Walau bagaimanapun, murid yang mengalami masalah membaca dan menulis ini

tidak boleh digeneralisasikan untuk menjadi satu kategori masalah tertentu kerana setiap murid bermasalah dalam pembelajaran mempunyai simpton atau cirinya yang tertentu dan berbeza dengan murid yang lain.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan melihat sejauh mana masalah yang dihadapi oleh murid disleksia dan apakah gaya pembelajaran yang diamalkan oleh guru bagi memastikan keberkesanan pembelajaran dapat dilakukan. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk meneroka masalah dan tindak balas oleh murid disleksia semasa proses pembelajaran Bahasa Arab terutamanya ketika membaca perkataan dalam Bahasa Arab. Rentetan daripada itu, pengkaji ingin mengenal pasti amalan pengajaran yang digunakan oleh guru dalam berhadapan dengan murid disleksia semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

TINJAUN LITERATUR

Masalah Pembelajaran Murid Disleksia

The National Joint Cimmittee on Learning Disabilities (NJCLD) (1990) mendefinisikan masalah pembelajaran sebagai satu golongan yang mempunyai kelemahan yang jelas dalam proses mengira, mendengar, bertutur, membaca, menulis dan membuat keputusan apabila dalam proses pembelajaran. Namun, masalah ini wujud bukan disebabkan oleh ketidakupayaan fizikal dan mental seseorang seperti masalah penglihatan, pendengaran atau gangguan emosi. Murid yang mengalami masalah pembelajaran ialah murid yang telah dikenalpasti identitinya dan disahkan keterlibatan dengan kecacatan yang mengganggu proses pembelajaran oleh oleh pakar profesional klinikal. Antara kecacatannya termasuklah penguasaan dalam kemahiran membaca dan kemahiran perkembangan. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Hal ini bermaksud, kecacatan yang dialami oleh seseorang itu menunjukkan dia boleh dikategorikan sebagai murid disleksia.

Menurut Mercer (1987) disleksia merupakan satu sindrom kesukaran dalam mempelajari komponen huruf dan perkataan serta sesuatu yang melibatkan masa dan arah. Tambahan pula, menurut Samsunuwiyati Mar'at (2005) disleksia merupakan salah satu masalah dalam membaca yang tidak mempunyai bukti berlakunya kerosakan di otak kerana ia melibatkan gangguan neorologi seseorang. Seseorang yang mengalami disleksia tidak mampu untuk menggabungkan fonem-fonem lisan sehingga mengalami kesukaran dalam membaca. Oleh hal demikian, kanak-kanak yang mempunyai masalah ini bukan disebabkan oleh penyakit patologi, bahkan ia berpunca daripada otak yang sukar untuk memproses maklumat dalam menghubungkan simbol bunyi dan visual. Kecelaruan ini berpunca daripada proses asas visual sebagai contoh kemampuan dalam membezakan dua hala seperti objek, simbol atau perkataan yang mempunyai pasangan terbalik.

Selain itu, kecelaruan ini dikira normal apabila seorang murid masih lagi pada tahap prasekolah. Namun, setelah melangkah ke peringkat darjah satu, masalah ini perlu dikenal pasti kerana kebiasaannya murid sudah mampu memberi respon yang positif terutama dalam membaca. Terdapat tiga jenis disleksia yang utama iaitu disleksia visual, auditori dan visual

auditori (Noor Aina Dani & Subramanian Vijaya. 2004). Disleksia visual ialah seorang murid dapat mengenal huruf tetapi membunyikannya secara terbalik dan bermasalah dalam membatangkan suku kata menjadi satu perkataan. Manakala, disleksia jenis auditori pula, murid tidak dapat mengeja perkataan secara betul, menggantikan dengan huruf lain dan menambah bunyi lain pada sesuatu sebutan. Bahkan, disleksia jenis visual dan auditori pula ialah murid yang mengalami kedua-dua masalah tersebut. Kebiasaannya, murid disleksia akan mengalami kesalahan dan kekeliruan dalam menyembunyikan huruf yang bentuknya hampir sama, kesukaran dalam memahami dan menyebut susunan kata, ayat dan intonasi secara betul. Perkara ini lebih serius apabila murid yang berhadapan dengan masalah disleksia perlu mempelajari bahasa kedua yang mempunyai struktur yang berlainan dengan bahasa ibunda. (Karlina Helmanita, 2016).

Oleh hal demikian, Carlson (1994) menyatakan murid disleksia sering mengalami lima masalah pembelajaran seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1: Jenis Disleksia (Carlson, 1994)

JENIS DISLEKSIA	MASALAH
<i>Surface Dyslexia</i>	Ketidakmampuan seseorang untuk mengenali bentuk visual perkataan dan sukar untuk menuturkannya dengan tepat. Ia merupakan gangguan proses <i>metode whole word reading</i> .
<i>Phonological dyslexia</i>	Masalah dalam pembacaan fonetik. Mereka mampu membaca perkataan yang dikenali dan sukar untuk mengenal pasti perkataan baru yang tidak dikenali.
<i>Spelling Dyslexia</i>	Seseorang itu tidak mampu untuk mencapai <i>surface dyslexia</i> dan <i>phonological dyslexia</i> . Walaubagaimanapun, dengan cara pembelajaran yang betul, mereka mampu mengenali huruf satu per satu huruf dan membacanya dengan betul.
<i>Direct Dyslexia</i>	Seseorang itu mampu membaca dengan betul akan tetapi, mereka tidak memahami perkataan atau huruf yang disebut
<i>Comprehension Without Reading</i>	Seseorang itu mampu memahami makna perkataan yang ditunjukkan, namun, mereka mengalami kesukaran dalam mengenali huruf atau fonologi huruf dalam perkataan tersebut.

Selain dari huraian dalam Jadual 1 di atas, murid disleksia juga menghadapi masalah lain seperti masalah dalam membaca dan menulis nombor, kata kerja, adjektif dan kata tugas. Setiap murid menunjukkan masalah yang berbeza antara seorang murid dengan murid yang lain. Kebanyakan masalah ini berpunca daripada penggantian atau pertukaran antara fonem vocal dan konsonan. Malah, mereka juga mengalami masalah dalam kekeliruan dengan suku kata terbuka dan tertutup yang menyebabkan berlaku perubahan mengenai jumlah suku kata (Intan Amalia, 2016). Menurut Davis et al. (2010), seseorang yang mengalami disleksia jenis

berfikir melalui imej mental atau imej sensori adalah merupakan kanak-kanak yang berhadapan dengan masalah menggabungkan sesuatu perkataan yang disebut dengan gambaran di otak untuk mencapai kefahaman.

Namun, situasi tersebut berlainan apabila mereka berhadapan dengan kemahiran membaca kerana mereka hanya melihat dan terdedah dengan tulisan perkataan semata-mata seperti perkataan الاسم. Oleh hal demikian, ia akan menimbulkan kekeliruan dalam fikiran mereka dan menyebabkan mereka tidak boleh memahami serta mengenal perkataan dengan tepat. Antara kesilapan yang sering terjadi apabila mereka membaca ialah seperti tertinggal huruf atau perkataan, mengubah susunan huruf atau nombor, meninggalkan baris bacaan dan sebagainya. Malangnya, ia akan memberi kesan kepada emosi mereka sehingga memberi reaksi kecewa, sedih, putus asa dan memberhentikan aktiviti pembacaan dan penulisan. Secara keseluruhan, disleksia merupakan ketidakupayaan pembelajaran berasaskan bahasa. Hal ini bermaksud disleksia terjadi apabila seseorang mengalami ketidakupayaan khususnya dalam proses pembelajaran disebabkan oleh sel otak.

Gaya Pembelajaran Murid Disleksia

Berdasarkan Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget, kanak-kanak akan berhadapan dengan peringkat perkembangan yang sama tetapi pada usia yang berbeza dengan membentuk persekitarannya yang sendiri (Inhelder, B., & Piaget, J. 1958). Oleh itu, beliau telah membahagikan perkembangan mental kanak-kanak berdasarkan peringkat umur masing-masing. Manakala Teori Sindrom Disleksia menurut Levinson (1994), mengatakan disleksia terhadap bacaan berlaku apabila murid-murid disleksia tidak dapat mengimbangi daya mengingat huruf dengan perkataan, sama ada secara visual atau fonetik. Hal ini menyebabkan mereka mudah lupa dan cuba mengingati bentuk huruf, bunyi huruf, dan gabungan perkataan berulang kali. Kesannya, mereka mengambil inisiatif untuk mentafsirkan huruf, bunyi dan gabungan perkataan mengikut pemikiran mereka supaya tidak dapat dikesan oleh orang sekeliling mereka. Contoh ketidakseimbangan daya mengingat huruf dengan perkataan secara visual atau fonetik dapat dilihat bagi huruf 'b' dan 'd' dan perkataan 'no' dan 'on'.

Oleh hal demikian, pembelajaran kanak-kanak disleksia memerlukan kepada teknik dan metodologi pengajaran yang sesuai supaya dapat menarik minat mereka untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan guru semasa proses pembelajaran. Hal ini bermakna, guru memainkan peranan penting kerana kanak-kanak disleksia hanya bergantung terhadap keupayaan guru mereka sama ada dalam bertingkah laku mahupun penguasaan terhadap suatu pelajaran. (Nurul Farhanah Bakar & Mohd Jasmy Abd Rahman, 2018). Berdasarkan Ramlan Salim yang merupakan seorang guru pendidikan khas menyatakan bahawa setiap guru perlu merancang kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif contohnya memperbanyakkan latihan dan pengajaran menggunakan aplikasi video, muzik atau audio visual sebagai terapi fizikal. Hal ini kerana, kreativiti seperti itu dapat membantu guru menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam iklim yang menyeronokkan, ceria dan berkesan kepada pelajar (Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim, 2012).

Malah, pembelajaran yang menyeronokkan juga mempunyai kaitan dengan penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik untuk mencapai proses pembelajaran yang mengembirakan (Yahya Othman dan Dayang Raini, 2011). Menurut Zailah Zainuddin (2012)

dalam pembelajaran sesuatu bahasa, contoh pendekatan yang boleh digunakan ialah gaya didik hibur dan apresiasi bahasa. Hal ini boleh dilihat sesuatu sesi pembelajaran yang menggunakan unsur jenaka, permainan, muzik atau lakonan dapat menghasilkan pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan menarik minat murid. Tambahan pula, sesi pembelajaran yang penuh dengan pelbagai aktiviti yang menarik dan kreativiti guru dapat menjadikan proses pembelajaran itu lebih aktif dan berpusatkan kepada murid sepenuhnya (Jack D, 2012). Oleh sebab itu, dalam hal ini, guru perlu berusaha untuk menjanakan kecerdasan emosi mereka melalui hubungan mesra, memberi perhatian yang lebih dan memahami muridnya dengan baik. Perkara ini sangat bertepatan dengan tugas seorang guru sebagai pembimbing dan merupakan agen perubahan kepada murid. (Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail, 2013).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temubual separa berstruktur yang bersesuaian. Dalam kajian ini, pengkaji mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid disleksia semasa membaca perkataan Arab dan mengetahui gaya yang digunakan oleh guru dalam pembelajaran Bahasa Arab. Kaedah temubual dilakukan secara atas talian disebabkan beberapa kekangan masa dan situasi semasa yang berlaku. Kedua-dua peserta kajian dihubungi dalam tempoh waktu yang berasingan dan temu bual tersebut dirakamkan.

SAMPEL KAJIAN

Pengkaji telah memilih dua orang peserta kajian untuk menyempurnakan kajian ini. Mereka bersetuju dan rela hati untuk memberi maklumat bagi menjawab soalan temu bual yang diajukan kepada mereka dan membenarkan pengkaji untuk merakamkan perbualan tersebut. Kriteria pemilihan peserta kajian ialah berdasarkan kepada perkara yang hendak dikaji iaitu terdiri daripada pelajar yang berusia 16 tahun yang mengalami masalah disleksia dan mempelajari mata pelajaran Bahasa Arab dan guru yang mengajar pelajar tersebut. Bagi peserta kajian yang pertama, beliau telah diberitahu oleh keluarganya bahawa terdapat beberapa simptom dan masalah yang dihadapinya semasa mempelajari mata pelajaran Bahasa Arab sama ada secara langsung atau tidak langsung. Bagi peserta kajian yang kedua pula, beliau merupakan seorang guru Bahasa Arab yang mengajar murid berkenaan dan mengakui bahawa terdapat beberapa cabaran semasa mengajar murid berkenaan.

PENGUMPULAN DATA

Untuk mendapatkan data kajian, pengkaji telah mengemukakan 10 soalan kepada peserta kajian. Soalan yang berbentuk separa struktur itu terbahagi kepada dua jenis set soalan iaitu mengenai masalah pembelajaran disleksia dan gaya pengajaran yang digunakan untuk pembelajaran disleksia di sekolah. Sesi temubual telah berlangsung di kawasan perumahannya yang bertempat di Kota Bharu dan informan kedua pula ditemu bual melalui atas talian. Setiap sesi temu bual dirakam oleh penyelidik dengan kebenaran oleh peserta kajian supaya menjaga hubungan dan kepercayaan dalam memperolehi maklumat. Kedua-dua peserta kajian telah ditemubual sebanyak tiga sesi untuk mendapatkan data yang lebih tepat dan sempurna.

PENGANALISISAN DATA

Dapatan kajian yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif setelah pengkaji membuat transkripsi. Pengkaji telah membahagikan kepada dua bentuk jadual yang berlainan untuk melakukan laporan analisis temubual yang terdiri daripada jadual transkripsi dan jadual tema. Analisis data pada peserta kajian pertama terdiri daripada 248 unit wawancara manakala untuk peserta kajian kedua terdiri daripada 389 unit wawancara temubual. Seterusnya, pengkaji telah membina beberapa tema daripada hasil temubual yang telah ditranskripsikan dan mempersembahkan data dalam bentuk deskriptif. Data dianalisis melalui verbatim temubual untuk membina idea yang terhasil daripada temubual seterusnya membentuk dua tema yang utama iaitu masalah murid disleksia dalam bahasa Arab dan gaya pengajaran Bahasa Arab terhadap murid disleksia seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2: Tema dan Subtema daripada Temubual

TEMA	SUBTEMA
Masalah murid disleksia dalam pembelajaran Bahasa Arab	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah dalam kemahiran menulis • Masalah dalam membaca perkataan yang sukar dan tidak familiar • Masalah pengecaman bunyi huruf yang betul dan hampir sama • Masalah pengecaman bentuk huruf yang hampir sama • Berlaku penambahan huruf yang tidak perlu
Gaya pembelajaran Bahasa Arab terhadap murid disleksia	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi perhatian yang lebih • Mementingkan kefahaman makna berbanding menghafaz kosa kata • Menggunakan kaedah 'fun learning' seperti nyanyian, permainan dan aktiviti. • Penggunaan gaya 'kerap bertanya

DAPATAN

Dapatan kajian dibincangkan menerusi dua subtopik utama iaitu masalah murid disleksia dalam pembelajaran Bahasa Arab dan gaya pengajaran Bahasa Arab terhadap murid disleksia.

Masalah Murid Disleksia dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Masalah pembelajaran murid disleksia sering dikaitkan dengan empat kemahiran yang asas seperti kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Seorang murid yang mempunyai salah satu daripada masalah tersebut boleh dikategorikan sebagai murid disleksia. Namun, dalam proses pembelajaran sesuatu bahasa, komponen paling utama ialah mampu

untuk mengenal pasti huruf alphabet dengan baik. Hal ini kerana, ia menjadi tunjang kepada kebolehan proses output dan input sesuatu bahasa. Antara masalah yang dihadapi oleh murid disleksia berkenaan ialah masalah dalam kemahiran menulis, membaca perkataan yang sukar dan tidak dikenali, mengenal pasti bunyi huruf yang betul dan hampir sama, serta mengenal pasti bentuk huruf yang hampir sama serta membuat penambahan huruf yang tidak perlu.

a) Masalah dalam kemahiran menulis

Dalam situasi murid disleksia ini, dia berhadapan dengan masalah dalam kemahiran menulis lebih ketara daripada kemahiran membaca. Walau bagaimanapun, kedua kemahiran ini saling berkait rapat kerana melibatkan proses input dan output. Seorang yang terlibat dengan masalah disleksia tidak semestinya bermasalah dalam kesemua kemahiran tersebut. Hal ini boleh dibuktikan apabila guru berkenaan menyatakan bahawa:

“...kalau kita suruh dia sebut pun dia boleh sebut cuma kalau menulis, haa dia tak okay sikit ada je huruf yang dia tertukar dan tak paham. So kadang-kadang dia baca lain dia tulis lain kalau ikutkan sampai sekarang dia masih ulang benda yang sama...”

(PK02DU209-214)

“...mungkin yaa. Sebab kadang-kadang dalam buku cakap lain pastu dia tulis lain. Dia macam sebut sesuka hati je...ouh saya nak relatekan jugak macam dalam pembelajaran tafsir ni saya suruh dia hafal pastu sebut balik ikut soalan dan jawapan yang saya bagi. Bila sudah hafal tusa ya suruh ditulis balik depan saya, jadi yang dia hafal tu tak sama dengan ape yang dia tulis dalam buku. Dia hafal ikut mulut dia faham tak, ikut senang mulut dia nk sebut.”

(PK02DU113-121)

b) Masalah dalam membaca perkataan yang sukar dan tidak dikenali.

Antara jenis dan ciri-ciri disleksia yang boleh dikenalpasti dalam diri seorang murid ialah apabila murid tersebut mempunyai masalah dalam membaca perkataan yang sukar dan keliru serta tidak dikenali dengan pandangan dia. Hal ini menyebabkan keupayaan mereka untuk membatangkan perkataan tersebut susah dan tidak lancar. Setelah temu bual dijalankan, pengkaji mendapati bahawa murid ini mempunyai masalah seperti ini apabila guru berkenaan mengakui dan berkata seperti di bawah:

“Haa ye amni ada jugak masalah macamtu. amni boleh baca perkataan معطمة yang selalu amni dengar. Contoh .. haa itu amni tahu maksud dia cikgu kan..”

(PK01DU70-71)

“So kadang-kadang dia baca lain dia tulis lain kalau ikutkan sampai sekarang dia masih ulang benda yang sama. Kalau macam perkataan yang berbaris kan... Haritu ada perkataan سيارة.. tapi bila takde baris dia memang takboleh nak baca

dia akan sebut سيرة lah ikut sesuka hati dia. Haa saya pun ada perasan juga kalau perkataan yang simple-simple dia laju je sebut”.

(PK02DU211-217)

c) Masalah mengenal pasti bunyi huruf yang betul dan hampir sama

Tambahan pula, dalam Bahasa Arab, terdapat beberapa huruf yang berlainan tetapi sama dari segi bunyinya. Setiap huruf Bahasa Arab mempunyai tempat (makhrāj) huruf yang berbeza tetapi secara keseluruhannya kadang-kadang huruf tersebut mempunyai bunyi yang sama. Contohnya huruf ط, ت dengan ة, huruf ك dengan ق dan huruf س dengan ث. Kesemua ini mempunyai cara penulisan huruf yang berbeza tetapi sebutannya hampir sama. Dalam situasi ini, murid disleksia ini juga mempunyai masalah seperti yang dikatakan oleh gurunya di bawah:

“Haa ye betul, sebab bunyi sama tapi tak tahu nak tulis yang mana. Sekarang ni pun macam tu. Haa kalau dalam tafsir, tafsirul ayat kan, macam yang dia hafal ayat tu, dia tulis lain.. macam dia hafal ikut sesuka hati dia.. jadi bila dia tulis tu dia ikut ucapan yang dia hafal tu lah.. tapi bila dia tulis tu kita still faham lah. Sebab nak dekat-dekat je so kita boleh tangkap lah sikit-sikit. Kadang-kadang ape yang dia hafal tu ada lah salah tu.. maksudnya ada je salah dari segi penambahan huruf, tertukar huruf macam yang saya cakap tadi, huruf ط dengan ت, huruf ق dengan ك, haa macam tu lah. Huruf yang hampir sama bunyi lah..”

(PK02DU93-99)

d) Berlaku penambahan huruf yang tidak perlu

Dalam pembelajaran Bahasa Arab, terdapat satu elemen yang ada dalam bahasa tersebut dan tidak ada dalam bahasa lain khususnya Bahasa Melayu dan Inggeris. Elemen tersebut ialah baris yang terdapat pada sesuatu huruf. Oleh hal demikian, sekiranya murid tersebut tidak memahami konsep baris itu, mereka mungkin akan mempunyai masalah dalam mengeja sesuatu perkataan dan berlakunya penambahan huruf yang tidak sepatutnya. Perkara ini boleh dilihat apabila murid disleksia berkenaan menambahkan beberapa huruf dalam perkataan سبعة dan mengeja satu persatu huruf tersebut seperti yang dinyatakan oleh gurunya seperti:

“haa tapi dia tak eja dengan ة dia eja dengan نون.. dia dengar ape yang kita sebut tapi dia tulis dengan lain lah walaupun kita tulis dah banyak kali kat depan tu.”

(PK02DU79-81)

“Haa contoh... contoh perkataan سبعة,.. so bila saya buat ujian listening tu kan.. haa okay bila kita sebut سبعة... dia akan tulis سبعون.. so dia akan eja satu per satu.. haa, ataupun dia buat perkataan سبعتون, haa mungkin dia keliru dengan huruf ت dengan ط. Tapi dia pun silap jugak lah sebab perkataan sepatutnya ة kan tapi dia eja satu persatu.”

(PK02DU82-87)

e) Masalah pengecaman bentuk huruf yang hampir sama

Akhir sekali, antara masalah yang sering berlaku dalam kalangan murid disleksia ialah dalam mengecam bentuk huruf yang hampir sama tapi bunyi yang berbeza. Dalam Bahasa Arab, murid perlu mengenal huruf dan bentuknya dengan baik kerana terdapat beberapa huruf mempunyai bentuk yang hampir sama dan berbeza dari kedudukan titiknya. Antara huruf berkenaan ialah huruf ب, ت, ث dan ن, huruf س, ش, huruf ج, ح, خ, huruf ع dan غ, huruf ص, ض, huruf ط, ظ. Dalam situasi ini, murid berkenaan kebanyakannya mempunyai masalah seperti di bawah:

“Amni ada juga macam tertukar huruf nak hampir sama tu macam huruf ب dengan ت.. yang nak sama bentuk. Tapi sekarang ni tak tukar sangat dah.”

(PK01DU56-58)

Secara keseluruhannya, berdasarkan maklumat daripada peserta kajian, terdapat lima masalah yang paling utama yang dihadapi oleh murid tersebut iaitu masalah dalam kemahiran menulis, masalah dalam pengecaman bentuk huruf yang hampir sama, masalah dalam pengecaman bunyi huruf yang hampir sama, berlaku penambahan huruf dan masalah dalam membaca perkataan yang jarang didengarinya. Kesemua masalah ini perlu dikesan dan dikenalpasti oleh guru dengan baik supaya boleh membantu murid tersebut untuk menanganinya melalui gaya pembelajaran yang bersesuaian.

Gaya Pengajaran Bahasa Arab terhadap Murid Disleksia

Gaya pengajaran yang digunakan oleh seorang guru yang mengajar Bahasa Arab terhadap murid disleksia berkenaan tidak mengikuti gaya pengajaran yang khusus sepertimana Model Pembelajaran Davis yang diutarakan pada bahagian kajian literatur. Hal ini kerana, guru tersebut tidak diberi pendedahan dan tidak dimaklumkan daripada ibubapa mengenai masalah yang dihadapi oleh murid tersebut. Oleh itu, guru tersebut tidak tahu dan tidak mengambil tindakan yang selanjutnya seperti menggunakan gaya pembelajaran yang betul dan sesuai untuk murid yang mengalami masalah seperti ini. Jadi, gaya pembelajaran yang digunakan terhadap murid tersebut sama sepertimana gaya yang digunakan oleh murid yang lain. Antara gaya dan cara yang digunakan oleh guru ialah:

- a) Memberi perhatian yang lebih

Walaupun ibu bapa tidak mengesahkan dan mengakui anaknya mempunyai masalah pembelajaran, namun guru sebagai pendamping murid semasa dalam kelas mampu untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid tersebut. Oleh hal demikian, murid tersebut mendapat perhatian yang penuh dan khusus oleh guru itu semasa dalam kelas. Hal ini bermaksud, semasa sesi pembelajaran dan pengajaran Bahasa Arab, guru perlu memfokuskan kepada murid berkenaan supaya beliau mendapat kefahaman yang baik. Hal ini boleh dibuktikan apabila guru berkata seperti:

“.....kalau contoh amni ni saya akan panggil dia.. bila dia buat nota ke hafalan, kita panggil lah kita check.. saya tengok dari segi nota dia saya check satu-satu..

okay amni yang ni salah.. sepatutnya yang ni cara bacaan dia, amni tulis salah ni macamni macamni... so sampai dia faham lah....”

(PK02DU104-107)

“...Haa ye kalau masa saya tanda buku latihan kan kalau macam ada salah tu kita akan panggil dia dan suruh dia betulkan kesalahan tu depan kita terus. Kita cakap and guide satu-satu lah yang ni salah salah.. macam amni, okay amni salah, yang ni salah kena macamni, macamni, so kena bagitahu satu satu. Ouh okay kat situ ke, ni point nya kat sini so kena car ikat sini la. So kena bagi perhatian lebih lah kat dia sebab dia special sikit kan...”

(PK02DU191-199)

b) Mementingkan kefahaman makna berbanding menghafaz kosa kata

Selain itu, antara gaya yang digunakan oleh guru itu ialah dengan memberi kefahaman makna terlebih dahulu sebelum mempelajari sesuatu bab. Hal ini kerana, bagi guru tersebut, sekiranya murid itu tidak memahami makna dengan betul, mereka sukar untuk memahami aspek lain. Contohnya:

“...kalau macam subjek yang saya ajar tu, dua-dua memang saya akan gunakan pemahaman. Saya akan bagi maksud dulu.. tu untuk kefahaman lah. Haa contoh lam, dia ada soalan kefahaman yang cari jawapan dalam petikan tu.. so saya akan bagi pemahaman dalam petikan tu so budak akan cari jawapan kat situ so dia dah tahu jawapan tu ada kat mana. So kalau amni tu kan dia mudah faham lah.. kalau contoh perkataan yang dia biasa dengar tu dia dah tahu lah.. haa kalau perkataan yang pelik sikit tu memang tak tahu..”

(PKP02DU146-153)

“...kalau macam saya saya akan suruh bangun baca so saya akan panggil nama pastu baca. Kiranya sebelum saya bagi makna dan kefahaman tu saya akan pastikan setiap student tu baca memang setiap orang kena baca ha ha..”

(PKP02DU154-158)

c) Menggunakan kaedah '*fun learning*' seperti nyanyian, permainan dan aktiviti.

Penggunaan kaedah '*fun learning*' telah biasa digunakan oleh setiap guru supaya pembelajaran menjadi lebih mudah, menarik dan mampu untuk menarik perhatian murid. Malah, bagi kelas dan murid yang mempunyai masalah pembelajaran dan kurang aktif, pendekatan ini lebih sesuai supaya boleh meningkatkan minat mereka terhadap sesuatu mata pelajaran. Dalam situasi ini, guru berkenaan menggunakan kaedah ini dalam pembelajaran Bahasa Arab sebagaimana yang dikatakan oleh beliau seperti di bawah:

“Tapi basically saya punya gaya tu lebih kepada fun lah.. saya buat lah lagu ke buat pertandingan suruh budak nyanyi nak bg nampak bahasa arab tu fun. So

syllabus pun basic je untuk kenalkan bahasa arab ni .. macam tiga bulan pertama tu saya lebih fokus kepada benda yang familiar dan dekat dnegan dia je. Sebab dekat sekolah ni pun latar belakang student bukan dari kaalangan student yang top lah so kena ikut cara mereka takboleh nk buat macam ajar student MRSM ke SBP ke ape. So kena ikut kesesuaian dan tahap diorang tu.”

(PK02DU180-189)

“...Kalau tingkatan 1 saya lebih kepada yang fun lagi lah.. contoh buat aktiviti dalam kelas tu, yang main muzik tu haa ape dah? Haa kotak beracun. Kita buat soalan dalam tu yang kita dah belajar tu, so sape yang dapat tu dia akan jawab lah soalan tu. Haa bagi jawapan.. pastu saya biasa guna lagu.. contoh kalau lagu tu bagi saya budak jadi mudah ingat.. contohnya huruf الاستفهام ..haa macam tu la. Sebab saya gunakan konsep atas kebolehan student lah..”

(PK02DU137-143)

d) Penggunaan gaya ‘kerap bertanya”

Akhir sekali, antara gaya yang digunakan oleh guru tersebut ialah selalu bertanya kepada murid berkenaan pelajaran yang telah dipelajarinya. Hal ini juga boleh memastikan murid berkenaan memahami dengan betul sekali gus boleh mewujudkan interaksi dua hala antara guru dan murid. Perkara ini dapat dibuktikan melalui kata-kata guru tersebut seperti:

“..... Macam dalam kelas ke ape ke kita memang kena banyakkan pertanyaan, haa contoh kena selalu tanya haa amni ape yang awak faham, ape yang tak faham.. so bila dia cakap tak paham part-part tu okay kita terangkan balik..”

(PK02DU157-160)

Kesimpulannya, gaya pengajaran yang digunakan oleh guru dalam pengajaran Bahasa Arab terhadap murid disleksia adalah sama dengan murid yang lain. Cumanya, murid yang bermasalah pembelajaran ini diberikan perhatian dan fokus yang lebih untuk memastikan mereka faham apa yang dipelajarinya. Antara gaya yang digunakan oleh guru ialah, penggunaan kaedah ‘fun learning’ dan kerap bertanya. Gaya ini sangat sesuai untuk murid yang kurang berkebolehan khususnya yang mempunyai masalah pembelajaran.

PERBINCANGAN

Kesemua dapatan tersebut telah memenuhi kesemua objektif dan persoalan kajian yang ditetapkan. Malah, perbincangan ini juga akan menyentuh dan mengaitkan dengan dapatan yang terdahulu daripada kajian-kajian literatur yang lalu. Oleh itu, perbincangan kajian ini merangkumi kedua-dua objektif dan persoalan kajian iaitu; (i) masalah pembelajaran murid disleksia dan (ii) gaya pembelajaran yang digunakan oleh guru.

Masalah yang dihadapi oleh murid disleksia

Berdasarkan hasil temubual, terdapat lima jenis masalah yang utama yang telah dikenal pasti. Lima jenis masalah yang dihadapi oleh murid tersebut adalah seperti berikut:

- Masalah dalam kemahiran menulis
- Masalah dalam membaca perkataan yang sukar dan tidak familiar
- Masalah pengecaman bunyi huruf yang betul dan hampir sama
- Masalah pengecaman bentuk huruf yang hampir sama
- Berlaku penambahan huruf yang tidak perlu

Kelima-lima item yang dinyatakan di atas merupakan item penting dalam cabaran dan masalah yang dihadapi oleh murid disleksia semasa proses pembelajaran bahasa kedua. Perkara tersebut didokong oleh teori-teori yang berkaitan seperti yang dibincangkan dalam bab II sebelum ini. Teori tersebut ialah Teori Sindrom Disleksia Menurut Levinson. Teori ini telah menekankan masalah pembelajaran yang wujud dalam kalangan murid disleksia terdiri daripada masalah dalam membaca, menulis atau mengira. Dalam bidang pembelajaran Bahasa Arab, aspek membaca dan menulis diambil kira kerana ia melibatkan pengecaman huruf-huruf alphabet seperti huruf hija'iyah. Tambahan pula, Sindrom disleksia berlaku apabila murid-murid disleksia tidak dapat mengimbangi daya mengingat huruf dengan perkataan, sama ada secara visual atau fonetik. Hal ini menyebabkan mereka mudah lupa dan cuba mengingati bentuk huruf, bunyi huruf, dan gabungan perkataan berulang kali. Kesannya, mereka mengambil inisiatif untuk mentafsirkan huruf, bunyi dan gabungan perkataan mengikut pemikiran mereka supaya tidak dapat dikesan oleh orang sekeliling mereka.

Secara umumnya, sistem penulisan alphabet termasuk dalam Bahasa Arab perlu melalui proses pengenalan terhadap satu bunyi huruf atau fonem. Bagi huruf hijaiyah dalam Bahasa Arab terdapat bunyi yang spesifik yang perlu dilafazkan seperti tertera dalam jadual di bawah:

Jadual 3: Lafaz Huruf Hijaiyah dalam Bahasa Arab

Huruf	Bunyi	Huruf	Bunyi
ا	Alif	ط	Tho
ب	Ba	ظ	Zho
ت	Ta	ع	'Ain
ث	Tsa	غ	Ghain
ج	Jim	ف	Fa
ح	Ha	ق	Qof
خ	Kha	ك	Kaf
د	Dal	ل	Lam
ذ	Dzal	م	Mim
ر	Ra	ن	Nun
ز	Zai	و	Waw
س	Sin	ه	Ha
ش	Syin	لا	Lam alif
ص	Sod	ء	Hamzah

ض	Dhad	ي	Ya
---	------	---	----

Walau bagaimanapun, pengenalan sistem bacaan dengan menggunakan sistem alphabet ini mengalami perubahan daripada lafaz bunyi satu huruf kepada bunyi satuan syllabic iaitu gabungan simbol visual dengan suku kata. Hal ini bermaksud, murid tidak lagi didedahkan dengan bunyi satu huruf seperti ‘alif’, ‘jim’, ‘lam’ dan lain-lain. Tetapi mereka menggunakan pendekatan metode Iqra’ supaya proses mengenal huruf dengan lebih cepat. Contohnya adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4: Lafaz Huruf Hijaiyah Metode Iqra’

Huruf	Bunyi	Huruf	Bunyi
ا	A	ط	Ta
ب	Ba	ظ	Zha
ت	Ta	ع	‘A’
ث	Tsa	غ	Gha
ج	Ja	ف	Fa
ح	Ha	ق	Qaf
خ	Kha	ك	Kaf
د	Da	ل	Lam
ذ	Dza	م	Ma
ر	Ra	ن	Na
ز	Dza	و	Waw
س	Tsa	ه	Ha
ش	Sya	لا	Lam alif
ص	Tsa	ء	a
ض	Dha	ي	Ya

Namun, bagi seseorang yang mempunyai masalah disleksia, metode ini menjadi salah satu faktor mengapa mereka sukar untuk mengecam dan mengenal bunyi huruf yang hampir sama. Hal ini kerana, tidak semua bunyi satu huruf hilang dengan pendekatan ini. Contohnya huruf ط dengan huruf ت yang memiliki bunyi yang sama walaupun dibaca dengan suku kata ‘tho’ atau ‘ta’. Antara contoh yang lain ialah seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 5: Kesalahan dalam mengecam bunyi yang hampir sama

Dibaca	Ditulis
س	ث
ث	س
ق	ك
ك	ق

Selain itu, antara faktor yang menyebabkan murid disleksia mengalami masalah untuk mengecam huruf ialah terdapat bentuk huruf yang hampir sama. Dalam Bahasa Arab, perkara

ini menjadi sukar dan kompleks bagi murid disleksia kerana mereka perlu membezakan huruf yang hampir sama sehingga terdapat tiga bentuk huruf yang mempunyai ciri yang sama seperti huruf ح, خ, ج, huruf ب, ت, ث, dan sebagainya. Huruf tersebut boleh dibezakan melalui proses leksikon mental iaitu, mereka perlu mengenali kedudukan titik pada huruf tersebut dan membunyikan perbezaan daripada kesemu huruf yang hampir sama itu.

Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan daripada kajian ini, pengkaji boleh merumuskan bahawa murid tersebut mempunyai masalah disleksia jenis visual dan auditori. Hal ini kerana, murid itu lemah dalam mengingat konfigurasi dan bunyi huruf dalam perkataan menyebabkan mereka sukar untuk menterjemah dan menulis huruf-huruf dengan betul dan tepat. Bahkan, permasalahan ini juga boleh dikaitkan dengan pandangan yang diutarakan menurut Carlson (1994) yang menyatakan terdapat lima jenis masalah yang sering berlaku dalam murid yang mempunyai disleksia. Kelima-lima masalah tersebut ialah seperti (i) *Surface Dyslexia*, (ii) *Phonological Dyslexia*, (iii) *Spelling Dyslexia*, (iv) *Direct Dyslexia*, (v) *Comprehension Without Reading*. Walaubagaimanapun, jenis *Phonological Dyslexia* dan *Direct Dyslexia* merupakan masalah yang lebih ketara yang wujud dalam murid berkenaan.

Gaya pembelajaran murid disleksia

Dalam proses Pendidikan, pelaksanaan gaya pembelajaran menjadi salah satu elemen yang penting untuk mencapai objektif dan keberhasilan Pendidikan seperti yang diinginkan. Malah, ia sama juga dengan proses pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab terutamanya untuk murid yang bermasalah seperti disleksia. Oleh sebab itu, ia memerlukan kepada perancangan gaya pembelajaran yang khusus supaya matlamat dan kesan pembelajaran mencapai tahap maksimum. Hal ini kerana, guru yang menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dan kreatif akan menghasilkan pembelajaran yang lebih seronok dan efektif.

Dapatan kajian mendapati, gaya pembelajaran yang sering didedahkan oleh guru berkenaan tidak spesifik untuk murid disleksia secara khususnya. Walau bagaimanapun, guru telah memberi perhatian dan fokus yang lebih kepada murid tersebut untuk memastikan maklumat dan pengajaran disampaikan dengan baik. Antara dua gaya yang biasa digunakan oleh guru tersebut ialah:

- i) Mementingkan kefahaman makna berbanding menghafaz kosa kata
- ii) Menggunakan kaedah 'fun learning' seperti nyanyian, permainan dan aktiviti
- iii) Penggunaan gaya 'kerap bertanya

Setiap guru mempunyai gaya dan gaya pengajaran yang berbeza. Hal ini adalah untuk mamastikan pembelajaran boleh disampaikan dengan lebih baik kepada setiap murid. Namun, guru tersebut belum mengaplikasikan gaya yang bertepatan dengan masalah murid tersebut dan cenderung kepada gaya yang sama dengan pelajar yang tidak bermasalah. Walaupun bagaimanapun, proses pelaksanaan pembelajaran bahasa Arab kepada murid menjadi berkesan apabila guru pandai dan kreatif dalam memilih metode pengajaran agar mampu menjadikan murid aktif dan bersemangat.

Oleh itu, jelaslah penggunaan gaya pembelajaran fun learning amat sesuai untuk diterapkan dalam pembelajaran murid yang bermasalah kerana ia mampu untuk menghasilkan

pembelajaran yang lebih menyenangkan dan efektif kepada murid. Hal ini boleh dilihat melalui kajian-kajian lepas yang menyokong dan membuktikan pendekatan ini melalui hasil kajian yang diperolehi. Bahkan, pengkaji juga melihat guru telah menggunakan gaya pembelajaran yang induktif dan deduktif. Oleh hal demikian, guru tersebut telah menunjukkan bahawa beliau telah mementingkan kefahaman makna kosa kata berbanding menghafalnya.

Oleh sebab itu, semasa proses pembelajaran bermula, beberapa perkara yang perlu dititikberatkan seperti memberi contoh terlebih dahulu, menerangkan konsep dan sebagainya. Gaya ini boleh membantu murid tersebut untuk mudah memahami perkara yang diajar pada sesi itu dengan baik. Namun, pendekatan komunikatif juga digunakan oleh guru tersebut seperti menggunakan gaya “kerap bertanya” selepas pembelajaran selesai. Gaya ini dapat membantu guru dan murid untuk berkomunikasi mengenai sesuatu yang difahami dan kurang difahami dalam pembelajaran sekaligus dapat membina hubungan antara guru dan murid.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, murid disleksia bukan seorang murid yang lemah dan tidak berjaya. Mereka hanya perlukan sokongan dan perhatian yang lebih supaya mereka dapat memahami pelajaran dengan baik. Oleh sebab itu, antara inisiatif yang boleh digunakan untuk membantu murid disleksia ialah dengan memahami dan mengenal pasti jenis masalah yang dihadapi oleh mereka semasa proses pembelajaran berlangsung. Oleh itu, guru juga perlu memainkan peranan yang penting dengan mempelbagaikan gaya pengajaran supaya proses pembelajaran menjadi seronok dan efektif.

RUJUKAN

- Ary Anggriawan. 2018. *The Effect of Crossword Puzzle Games in Reading and Writing Ability Toward Dyslexia and Dysgraphia Students in Elementary School*. Surabaya: State Islamic University of Sunan Ampel Surabaya.
- Abdullah Yusoff, Safani Bari & Mokhtar Taha, 2009. *Pengenalan Pendidikan Khas*. Kuala Lumpur: Open University Press.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim. 2012. Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2(1): 129-140.
- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. 2013. Pelaksanaan Pembelajaran Menyenangkan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu –JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)* 3(1).
- Abdul Rasid Jamian. 2011. Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)* 1(1).
- Ahmad Yazid Yahya, Noor Aini Ahmad, Yoong Soo May. 2018. A New Dimensional in Teaching Non-verbal Students with Learning Disabilities. *International Journal of Academic Research in Business and Social Science*.8(12).

- Azizurohmah. 2017. Strategi Guru Dalam Menangani Kesulitan Belajar Disleksia Pada Pembelajaran Kelas III B di Mi Islamiyah Jabung Malang. Tesis. Surabaya: Universiti Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Carlson, N. R. 1994. *Physiology of behavior* (5th ed.): Allyn & Bacon.
- Davis, Ronald Dell & Eldon Braun. 2010. *The Gift of Dyslexia: Why Some of the Smartest People Can't Read and How They Can Learn*: Perige.
- Edwards, D., & Mercer, N. 1987. Common knowledge. The development of understanding in the classroom. London: Methuen.
- Emine Balci & Aybala Cayir. 2018. Reading Performance Profile of Children with Dyslexia in Primary and Secondary School Students. *Journal of Education and Learning*, 7(1).
- Heikki Lyytinen & Jane Erskine. 2016. *Early Identification and Prevention of Reading Problems*. Learning Disabilities.
- Intan Amalia. 2016. Kesulitan Membaca Kata Pada Anak Disleksia Usia 7-12 Tahun di Sekolah Inklusif Galuh Handayani Surabaya: Kajian Psikolinguistik. Tesis. Surabaya: Universiti Airlangga.
- International Dyslexia Association. 2017. *Dyslexia in the Classroom What Every Teacher Needs To Know*.
- Inhelder, B., & Piaget, J. 1958. *The growth of logical thinking from childhood to adolescence*. New York: Basic Books.
- Jack. D. 2012. *Didik hibur*. Dilayari pada 15 September 2012 dari laman web <http://www.slideshare.net/DeenJack/didik-hibur#btnNext>
- Jamilah Ahmad. 1999. *Panduan Pengajaran Pemulihan Bahasa Melayu KBSR*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Karlina Helmanita. 2016. *Hambatan Membaca Aksara Arab Bagi Anak Disleksia di Sanggar Baca Jendela Dunia. Mimbar Sejarah, Sastra Budaya dan Agama*. Jakarta: t.pt.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas (PPIMBK). Bahagian Pendidikan Khas. Putrajaya.
- Lee, L.W. 2010. Different strategies for embracing inclusive education: a snap shot of individual cases from three countries. *International Journal of Special Education* 25 (3).
- Liberman, I.Y., Shankweiler, D., Fischer, F.W., & Carter, B. 1974. Explicit syllable and phone-segmentation in the young child. *Journal of Experimental Child Psychology*, 18, 201-212
- Levinson, H.N. 1994. *A solution to the Riddle Dyslexia*. New York: Springer
- Mercer, D. 1987. *Students with Learning Disabilities*: Merril.
- Nurul Farhanah Bakar & Mohd Jasmy Abd Rahman. 2018. Prevalence Murid Berisiko dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam* 2018. UNISZA.
- Noka Syafila Fauzia. 2019. Strategi Pembelajaran Membaca Untuk Meningkatkan Pemahaman Kosakata pada Siswa Disleksia. Tesis. Surabaya: Universiti Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim.
- Noor Aina Dani & Subramanian. 2004. *Disleksia dalam Aspek Bacaan Bahasa Melayu. Jurnal Bahasa*, 4.
- Piaget, J. 1958. *The growth of logical thinking from childhood to adolescence*. New York: Basic Books.

- Rajesvari Ramasamy. 2008. Masalah Disleksia Dalam Kalangan Murid-Murid Pemulihan Di Sekolah Rendah Pulau Pinang. Tesis. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Raija Pirttimaa, Marjatta Takala & Tarja Ladonlahti. 2015. Students in Higher Education with Reading and Writing Difficulties. *Education Inquiry*, 6(1).
- Rauno Parilla & Athanassions Protopapas. 2017. *Dyslexia and Word Reading Problems*. t.tp.: t.pt.
- Rohaty Mohd Majzub & Shafie Mohd Nor. 2005. Simpton Disleksia Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan* (30). 3-19.
- Roslan Chin & Nurahimah Yusoff. 2017. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Untuk Menguasai Kemahiran Membaca dalam Kalangan Murid Pemulihan Khas. *Proceeding of ICSOTL*. Kedah: Institut Pendidikan Guru Kampus Perli, Universiti Utara Malaysia.
- Samsunuwiyati, Mar'at. 2005. *Psikolinguistik Suatu Pengantar*. Bandung: Refika Aditama.
- Sharifah Nawirah binti Syed Hassan. 2016. Model Pemulihan Disleksia Davis dalam Pembelajaran Kanak-Kanak Disleksia. *Journal of Education and Social Sciences*, 4(1).
- Shaywitz , S.E., Shaywitz, B.A. & Fulbright, R. 2003: *Dyslexia: Specific reading disability. Pediatric Review*, (24), 147-153.
- Shaywitz, B.A., Fletcher, J.M., & Shaywitz, S.E. 1995. Defining and classifying learning disabilities and attention deficit hyperactivity disorder. *Journal of Child Neurology*, 10, 507-57.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod & Afendi Hamat. 2011. Faktor dan Kesan Masalah Membaca dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1).
- Tilly Mortimore & W. Ray Crozier. 2006. Dyslexia and Difficulties with Study Skills in Higher Education. *Society for Research into Higher Education*. 31(2).
- Vijayaletchumy a/p Subramaniam. 2003. Disleksia dalam Aspek Bacaan Bahasa Melayu. Tesis. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Wong Ching Yee Sharon. 2015. Reading Problems and Treatments with Dyslexia- Is Too Late for Remedy in Adulthood?. Tesis. Hong Kong: City University of Hong Kong.
- Yahya Othman & Dayang Raini Pakar. 2011. Kesan perisian cerita interaktif semasa mengajarkan kemahiran bacaan dan kefahaman dalam kalangan pelajar tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1): 27-49.
- Zailah Zainudin. 2012. *Didik Hibur*. IPG Kampus Raja Melewar.
- Zunus Tri Prasetya. 2017. Metode Fernald Untuk Meningkatkan Kemampuan Membaca Pada Anak Disleksia. Tesis. Universiti Muhammadiyah Malang.
- Zurif, E., Swinney, D., & Garrett, M. 1990. Lexical processing and syntactic comprehension in aphasia (3rd ed.). Hillsdale, NJ: Erlbaum